



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
JUN 2024

**Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus
dan 2.1 peratus pada Jun 2024**

PUTRAJAYA, 11 Julai 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JUN 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 2.1 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.1%), diikuti dengan Pahang (1.6%) dan Kuching (0.1%).

Selain daripada itu, indeks harga seunit batu baur merekodkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 0.6 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Jun 2024 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Kota Kinabalu (masing-masing 0.6%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan mencatatkan peningkatan kecil dalam indeks harga seunit besi bagi beberapa kawasan. Peningkatan tertinggi di kawasan Sibu (0.4%), Kota Kinabalu (0.2%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.1%). Namun begitu, indeks harga seunit bagi bahan ini merekodkan

penurunan di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.8%) dan diikuti dengan Terengganu & Kelantan (-0.1%).

Perbandingan bulanan turut mencatatkan indeks seunit harga struktur keluli dan logam kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Jun 2024. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.7%), diikuti dengan Kuching (-0.6%) dan Kota Kinabalu (-0.2%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Jun 2023 dan Jun 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.4 peratus hingga 4.7 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi direkodkan di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.7%), diikuti dengan Tawau (2.2%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.0%) dan Pahang (1.6%).

Indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 5.3 peratus pada Jun 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, terdapat peningkatan bagi indeks bahan ini di Kuching (0.5%) dan Johor (0.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan peningkatan kecil (0.3%) dengan purata harga RM23.10 per 50 kg sekarung berbanding Mei 2024 (RM23.04 per 50 kg sekarung). Manakala, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* pula kekal tidak berubah berbanding Mei 2024 dengan purata harga RM3,730.49 bagi setiap tan metrik.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli bagi semua kategori bangunan pada bulan Jun 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 2.0 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Peningkatan tertinggi bagi IKB telah dicatatkan bagi kawasan Selangor, W.P Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan untuk kategori Cerucuk Kayu (2.0%). Namun begitu, terdapat sedikit penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.3 peratus bagi IKB termasuk bar keluli bagi beberapa kategori bangunan di Johor dan Terengganu & Kelantan.

IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Tawau. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan pula kekal tidak berubah.


Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak mencatatkan sedikit penurunan iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.2 peratus pada Jun 2024 bagi beberapa kategori bangunan di Kuching. Namun begitu, peningkatan kecil direkodkan dalam indeks iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Miri pula kekal tidak berubah.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Jun 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Jun 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JULAI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 11, 2024



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
JUNE 2024**

The price index of cement recorded an increase between 0.1 per cent to 2.1 per cent in June 2024

PUTRAJAYA, July 11, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JUNE 2024**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that, the unit price index of cement recorded an increase between 0.1 per cent to 2.1 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.1%), followed by Pahang (1.6%) and Kuching (0.1%).

Apart from that, the unit price index of aggregates registered an increase between 0.4 per cent to 0.6 per cent for almost all areas in June 2024 as compared to the previous month. The highest increase recorded in Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Kota Kinabalu (0.6% respectively).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the monthly comparison showed a slight increase in the unit price index of steel for several areas. The highest increase was in Sibu (0.4%), Kota Kinabalu (0.2%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.1%). Meanwhile, the unit price index of these materials recorded a decrease in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.8%), followed by Terengganu & Kelantan (-0.1%).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 11, 2024

The monthly comparison of steel & metal sections showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in June 2024. However, there was a slight decrease for these materials price index in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.7%), followed by Kuching (-0.6%) and Kota Kinabalu (-0.2%).

An annual comparison for the period of June 2023 and June 2024 showed that the unit price index of cement increased between 0.4 per cent to 4.7 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.7%), followed by Tawau (2.2%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.0%) and Pahang (1.6%).

An annual comparison of the average price per unit of steel recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 5.3 per cent in June 2024 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. However, there was a slight increase for these materials price index in Kuching (0.5%) and Johor (0.7%).

The Chief Statistician of Malaysia elaborated that the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a marginal increase (0.3%) with an average price of RM23.10 per 50 kg bag as compared to May 2024 (RM23.04 per 50 kg bag). Meanwhile, the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars remained unchanged as compared to May 2024 with an average price of RM3,730.49 per metric ton.

The month on month of BCI with steel bars for all building categories in June 2024 increased between 0.1 per cent to 2.0 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. The highest increase was in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan for Timber Piling category (2.0%). However, there was a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.3 per cent for BCI with steel bars for several building categories in Johor and Terengganu & Kelantan.

BCI with steel bars in Sabah also showed a slight increase, which was 0.1 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Tawau. Meanwhile, the index for almost all others building categories in Sandakan remained unchanged.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 11, 2024

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak registered a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.2 per cent in June 2024 for almost all categories of buildings in Kuching. Apart from that, there was a slight increase between 0.1 per cent to 0.2 per cent for almost all categories of building in Sibu. However, BCI with steel bars for almost all others building categories in Miri remained unchanged.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 11, 2024

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – June 2024





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – June 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

11 JULY 2024